

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Kad Korporat MyDebit PB. Pastikan juga tuan/puan membaca terma dan syarat amnya.</p>	<p>Public Bank Berhad (6463-H)</p> <p>Kad Korporat MyDebit PB</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Akaun ACE Enterprise</li> <li>2. Akaun Semasa PLUS</li> <li>3. Akaun Semasa Basic</li> <li>4. Akaun Semasa-i Enterprise PLUS</li> <li>5. Akaun Semasa-i Wadiah</li> <li>6. Akaun Semasa-i Wadiah Basic</li> </ol> <p>Tarikh:</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <p>Kad Korporat MyDebit PB ini dikeluarkan kepada keempunyaan tunggal dan syarikat-syarikat untuk membuat bayaran kepada agensi kerajaan yang mengambil bahagian melalui kaunter-kaunter cawangan Public Bank/Public Islamic Bank dan kaunter agensi kerajaan menggunakan terminal Pusat Jualan (POS). Tuan/Puan perlu mengekalkan Akaun Semasa (“Akaun Perbankan”) dengan kami, yang akan dirangkaikan kepada Kad Korporat MyDebit PB ini. Apa-apa pembayaran kepada Agensi Kerajaan akan ditolak terus daripada Akaun Perbankan masing-masing.</p> <p>Kad ini khas untuk pembayaran kepada agensi kerajaan. Justeru, pemegang kad tidak boleh membuat pembelian runcit atau urus niaga di ATM menggunakan kad debit ini.</p>	
<p><b>2. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?</b></p> <p>(i) <u>Fi Pendahuluan</u></p> <p>Percuma</p> <p>(ii) <u>Fi Tahunan</u></p> <p>Generik: RM8.00</p> <p>(iii) <u>Penalti untuk Penggantian Kad</u></p> <p>RM12.00</p>	
<p><b>3. Apakah terma dan syaratnya?</b></p> <p>(i) <u>Perolehan Faedah</u></p> <p>Kadar faedah akan diberi mengikut Akaun Perbankan yang ditawarkan. Sila hubungi Bank melalui talian bebas tol Bank di 1-800-22-9999 pada waktu kerja biasa atau tuan/puan boleh mengakses <a href="http://www.pbebank.com">www.pbebank.com</a> untuk kadar faedah terkini.</p> <p>(ii) <u>Rangkaian Pembayaran</u></p> <p>Semasa menggunakan Kad Korporat MyDebit PB di Malaysia, pembayaran akan dihantar melalui rangkaian PayNet.</p>	

**4. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi obligasi saya?**

Liabiliti untuk Urus niaga yang Tidak Dibenarkan

Sekiranya kad hilang/dicuri atau digunakan tanpa kebenaran, tuan/puan akan dipertanggungjawabkan bagi semua urus niaga sekiranya tuan/puan bertindak dengan cara menipu, menanggung untuk memaklumkan kepada Bank semunasabah cepat yang mungkin selepas menyedari kad itu hilang/dicuri atau digunakan tanpa kebenaran, secara sengaja memaklumkan nombor PIN kepada orang lain, mencatat nombor PIN pada kad tersebut atau pada apa-apa yang berdekatan dengannya dan benda yang boleh hilang bersama-sama dengan kad tersebut, atau meninggalkan kad itu atau barang yang kad tersebut terletak di dalamnya. Sekiranya siasatan menunjukkan bahawa tuan/puan terlibat dalam menyebabkan apa-apa caj yang tidak dibenarkan dikenakan, tuan/puan akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj yang tidak dibenarkan itu, termasuk caj kewangan sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan berkenaan. Dengan itu dipersetujui secara nyata bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan Baki Semasa tidak melampaui had yang ditetapkan oleh Bank.

**5. Apakah risiko-risiko utamanya?**

Tuan/Puan perlu menghubungi Public Bank/Public Islamic Bank dengan serta-merta selepas menyedari kad debit tuan/puan hilang atau dicuri. Untuk melaporkan mengenai kecurian atau kehilangan tersebut, sila hubungi 03-2179 5000. Sekiranya nombor rahsia PIN tuan/puan telah diketahui oleh orang lain, tuan/puan perlu membuat laporan mengenainya dengan serta-merta.

Jika tuan/puan tidak mahu menerima Mesej Pantas melalui SMS, tuan/puan tidak akan dapat mengambil tindakan serta-merta untuk memaklumkan kepada Bank sekiranya berlaku urus niaga tanpa kebenaran daripada akaun kad debit tuan/puan.

**6. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?**

Sila kunjungi cawangan Public Bank/Public Islamic Bank untuk mengemas kini butiran untuk menghubungi tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada waktunya.

**7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya tuan/puan mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Public Bank/Public Islamic Bank di:

**Jabatan Perkhidmatan Pelanggan**

**Public Bank Berhad**

**146 Jalan Ampang**

**50450 Kuala Lumpur**

**Malaysia**

**Telefon : 1-800-22-5555**

**Faks : 603-2164 6670**

**E-mel : customerservice@publicbank.com.my**

**Laman Web : www.pbepbank.com**

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini sah pada 01 Jun 2018.